

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 Januari 2025

SOALAN

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji keperluan untuk memperluas pensijilan penjagaan warga emas bagi memastikan bakat tersedia dalam sektor penjagaan sebagai persediaan Malaysia menjadi negara menua menjelang 2030; dan apakah status terkini penggubalan Akta Warga Emas dan Akta Profesion Kerja Sosial serta garis masa pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, 1. Bermula tahun 2023, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menetapkan Industri Penjagaan sebagai salah satu fokus utama Kementerian. Dalam hal ini, hala tuju yang jelas berkaitan dengan pelaksanaan Industri Penjagaan di negara ini sedang dirangka. Dalam usaha melahirkan Penjaga Berkemahiran, penekanan terhadap aspek latihan kepada penjaga diberi perhatian khusus. 2. Walaupun pada masa ini tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan pemilikan sijil profesional tertentu bagi penjaga warga emas, namun KPWKM menerusi agensinya Institut Sosial Malaysia (ISM) menyediakan latihan dan pensijilan untuk meningkatkan ilmu serta kemahiran kepada penjaga (caregivers). 3. ISM yang juga merupakan Pusat Bertauliah, menawarkan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi Bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua. Kursus ini terbuka kepada penjawat awam, pengusaha Pusat Jagaan, Badan Bukan Kerajaan dan juga sukarelawan. Bergerak ke hadapan, ISM merancang untuk menambah bidang SKM ke Tahap 4 iaitu peringkat diploma bagi Pentadbiran Pusat Jagaan Orang Tua bagi melahirkan penjaga atau pengasuh yang berkelayakan lebih tinggi, selaras dengan hasrat KPWKM untuk menjadikan profesion penjaga dan pengasuh sebagai kerjaya profesional, selain memenuhi permintaan yang semakin meningkat. 4. ISM turut menawarkan Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga yang bertujuan menyediakan latihan dalam penjagaan asas bukan sahaja kepada penjaga (caregivers) di institusi kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), malah turut kepada caregivers di pusat-pusat jagaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) mahupun pusat jagaan swasta. Kursus ini juga turut diperluaskan kepada Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) serta individu yang menjaga ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan, sama ada warga emas, OKU, kanak-kanak mahupun pesakit terlantar. Peluasan latihan penjagaan ini adalah seiring dengan hasrat KPWKM untuk melahirkan lebih ramai penjaga atau caregivers yang berkemahiran bagi memenuhi permintaan pasaran. 5. Kursus ini melengkapkan caregivers dengan pengetahuan serta kemahiran jagaan dengan menggunakan kaedah yang betul dan selamat. Kurikulum kursus ini telah dibangunkan dan diselaraskan dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standards - NOSS). Pada tahun lalu sahaja iaitu tahun 2024, sebanyak 12 siri kursus telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 385 peserta. Manakala pada tahun ini, kita menyasarkan untuk lebih 400 orang lagi peserta untuk menerima dan menamatkan kursus ini. 6. Sementara itu, berhubung dengan penggubalan akta khusus untuk warga emas, ia sedang diteliti lanjut oleh KPWKM. Dalam perkembangan terkini, KPWKM telah pun menubuhkan Special Project Team (SPT) untuk mengkaji dan meneliti cadangan penggubalan suatu akta khusus tersebut. SPT ini dianggotai oleh wakil Kementerian dan Jabatan terlibat, NGO, ahli akademik serta turut dijemput adalah wakil daripada SUHAKAM dan Majlis Peguam. 7. Manakala berhubung status terkini penggubalan RUU Profesion Kerja Sosial pula, KPWKM kini sedang giat memuktamadkannya dan dirancang untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini juga, in sya Allah. Sekian, terima kasih.

